



# **Kempen Tawaran Pemerolehan Alliance Bank X Golden Screen Cinema**

## **Terma dan Syarat**

## Terma dan Syarat Am

1. “Tawaran Pemerolehan Alliance Bank X Golden Screen Cinema” (“Kempen”) yang dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad (“Bank”) akan berlangsung dari **1 Januari 2025 hingga 31 Mac 2025**, termasuk kedua-dua tarikh, kecuali dinyatakan sebaliknya (“Tempoh Kempen”).
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) diingatkan untuk membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya semua Terma dan Syarat ini sebelum bersetuju untuk mematuhi dan menerima semua Terma dan Syarat.
3. Pelanggan Baharu dan Sedia Ada Bank yang memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan akan secara kolektif dirujuk sebagai “Pelanggan Yang Layak”. Walau apa pun perkara di atas, individu berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:
  - a) Pelanggan yang mempunyai akaun yang dorman atau tidak aktif dengan Bank atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
  - b) Pelanggan dengan akaun Bank yang tidak dikendalikan secara memuaskan mengikut polisi dalaman Bank; atau
  - c) Mana-mana individu lain yang ditentukan oleh Bank untuk dikecualikan mengikut polisi dalamannya; atau
  - d) Kakitangan tetap dan/atau kontrak Alliance Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitannya).
4. Untuk layak mendapat ganjaran yang dinyatakan dalam **Jadual A** di bawah (“Ganjaran Kempen”), Pelanggan yang Layak mesti mendaftar untuk produk sertaan semasa Tempoh Kempen dan memenuhi keperluan minimum yang dinyatakan dalam **Jadual A**.

### Jadual A:

#### UNTUK PELANGGAN BAHARU BANK (AKAUN SAVEPLUS/-I DAN KAD KREDIT VISA VIRTUAL ALLIANCE BANK)

Produk Sertaan	Kriteria Kempen	Ganjaran Kempen*	Had Kempen
Akaun Alliance SavePlus/-i (“Akaun Yang Layak”)	Mohon dan aktifkan Akaun Alliance SavePlus/-i melalui aplikasi mudah alih allianceonline dengan menggunakan kod jemputan eKYC, “VELVET”, dan  Mengekalkan deposit minimum RM100 hingga akhir bulan pembukaan akaun.	Satu unit tiket wayang Velvet x Alliance Bank bernilai (Tempat Duduk Berkembar) bernilai RM120	Terhad kepada 200 pelanggan pertama
Kad Kredit Alliance Bank	Mohon dan aktifkan Kad Kredit Visa Virtual Alliance Bank melalui aplikasi mudah alih allianceonline dengan menggunakan kod promosi, “GSC”		Terhad kepada 200 pelanggan pertama

5. Dari segi had Ganjaran Kempen, Pelanggan Yang Layak akan diberi ganjaran mengikut dasar tiba dahulu, layan dahulu, dan tertakluk pada ketersediaan Ganjaran Kempen. Jika Ganjaran Kempen telah ditebusguna sepenuhnya, Bank tidak perlu memaklumkan Pelanggan Yang Layak.

## Terma dan Syarat Kempen Akaun Alliance SavePlus/-i

6. Kempen ini dibuka kepada pelanggan berikut ("Pelanggan Yang Layak"):
  - a. Individu yang telah mencapai umur lapan belas (18) tahun dan/atau ke atas;
  - b. Tidak memegang sebarang Akaun Semasa/Simpanan/-i ("CASA/-i") termasuk Akaun SaveLink, Akaun Perdagangan Saham dan Pembiayaan Margin Saham ("SMF") dengan Bank sepanjang dua belas (12) bulan yang lepas sebelum permulaan tarikh Tempoh Kempen; dan
  - c. Memohon Akaun Yang Layak melalui aplikasi mudah alih allianceonline semasa Tempoh Kempen, serta berjaya membuka dan mengaktifkannya selewat-lewatnya pada 15 Januari 2025.
  - d. Tidak termasuk kakitangan tetap dan/atau kontrak Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitannya).
7. Semasa Tempoh Kempen, Pelanggan Yang Layak mesti memulakan pembukaan Akaun Yang Layak dengan menggunakan kod jemputan "**VELVET**", melalui aplikasi mudah alih allianceonline, dan proses Kenali Pelanggan Anda ("eKYC") elektronik. Nombor Kad Pengenalan dan nombor telefon bimbit Pelanggan Yang Layak mesti dirakam dalam sistem Bank menggunakan proses Kata Laluan Satu Kali (OTP).
8. Pelanggan Yang Layak perlu memohon Akaun Yang Layak semasa Tempoh Kempen serta berjaya membuka dan mengaktifkan Akaun Yang Layak dalam Tempoh Kempen. Jika tidak, Bank berhak untuk membatalkan Ganjaran Kempen.
9. Setiap Akaun Yang Layak berhak mendapat hanya satu (1) Ganjaran Kempen. Jika Pelanggan Yang Layak mempunyai beberapa Akaun Yang Layak yang berhak mendapat Ganjaran Kempen, namun hanya satu (1) Ganjaran Kempen akan diberi ganjaran.
10. Sekiranya Pelanggan Yang Layak gagal membuka Akaun Yang Layak melalui eKYC, Pelanggan Yang Layak akan dijemput untuk terus melengkapkan pembukaan akaun di cawangan pilihan mereka. Kriteria untuk membuka Akaun Yang Layak melalui eKYC (tetapi tidak terhad kepada) adalah seperti berikut:
  - a) Rakyat Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas yang mempunyai MyKad terkini (yang mempunyai gambar besar dan kecil anda pada MyKad)
  - b) Mempunyai CASA/-i peribadi dengan perbankan internet di bank lain di Malaysia (untuk melaksanakan DuitNow / Pindahan Segera)
  - c) Pelanggan Alliance Bank yang baharu atau sedia ada yang tidak mempunyai CASA/-i dan allianceonline
11. Pelanggan Yang Layak yang memegang akaun secara bersama dengan pihak lain akan dikira sebagai satu akaun sahaja berdasarkan nama pemegang akaun utama. Dalam keadaan pemegang akaun bersama, Ganjaran Kempen diberikan kepada pemegang akaun utama sahaja. Pelanggan Yang Layak mestilah pemegang utama bagi produk sertaan yang didaftarkan dan mempunyai nama yang sepadan dengan nama pemegang utama Pelanggan Yang Layak supaya dapat menikmati Ganjaran Kempen.
12. Akaun Yang Layak mestilah sah dan aktif (tidak ditutup atau ditamatkan), seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut polisi dalaman Bank, semasa dan selepas Tempoh Kempen supaya layak menerima Ganjaran Kempen. Jika Pelanggan Yang Layak menutup Akaun Yang Layak atas apa-apa sebab semasa Tempoh Kempen dan tempoh pemenuhan, maka penyertaan beliau dalam Kempen akan dianggap sebagai terbatal dan tidak sah dengan serta-merta.

### Terma dan Syarat untuk Pelanggan Baharu Kad Kredit

13. Kempen ini digunakan untuk Pemegang Kad Kredit Utama yang baru mendapat kelulusan bagi permohonan Kad Kredit Visa Virtual Alliance Bank baharu ("Kad Yang Layak") dan yang memenuhi kriteria berikut ("Pemegang Kad Yang Layak"):
  - i. Pelanggan mesti memohon Kad Yang Layak menggunakan aplikasi mudah alih allianceonline dengan kod promosi, "**GSC**" semasa Tempoh Kempen.
  - ii. Kad yang Layak perlu diaktifkan selewat-lewatnya pada 15 April 2025.
  - iii. Pelanggan tidak boleh mempunyai sebarang kad kredit sedia ada yang dikeluarkan oleh Bank.
14. Individu berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
  - i. Kakitangan tetap dan/atau sementara Bank (termasuk ahli keluarga, anak syarikat dan syarikat berkaitannya);
  - ii. Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan promosi serta vendor teknologi maklumat) Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitannya);
  - iii. Entiti bukan individu termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, pertubuhan amal/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi;
  - iv. Individu yang telah membatalkan mana-mana kad kredit sedia ada yang dikeluarkan oleh Bank;
  - v. Individu di bawah umur 21 tahun;
  - vi. Pemegang kad utama yang memegang Kad Kredit Visa atau Mastercard Alliance Bank sedia ada;
  - vii. Individu yang tidak mampu bayar dari segi kewangan atau yang telah dihukum bankrap;
  - viii. Individu yang memohon Kad yang Layak melalui ejen jualan atau pengagregat pihak ketiga Bank; dan/atau
  - ix. Mana-mana individu lain yang mungkin ditentukan oleh Bank untuk dikecualikan mengikut prosedur dalamannya.
15. Setiap Pemegang Kad Yang Layak akan menerima hanya satu (1) unit Ganjaran Kempen tanpa mengira bilangan Kad Yang Layak yang dipohon semasa Tempoh Kempen.

### Terma dan Syarat Lain

16. Ganjaran Kempen boleh digunakan untuk semua tiket, sepanjang hari di pawagam GSC Velvet sahaja (tertakluk kepada waktu tayangan filem dan ketersediaan tempat duduk).
17. Bank berhak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web rasmi Bank.
18. Ganjaran Kempen akan dipenuhi dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kalendar selepas Tempoh Kempen tamat, sebarang pertikaian selepas ini tidak akan dilayan. Ganjaran Kempen akan dihantar kepada Pelanggan Yang Layak melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") ke nombor telefon bimbit yang didaftarkan dengan Bank.
19. Ganjaran Kempen tidak boleh ditukar dengan tunai atau pilihan kredit lain.
20. Bank tidak menerima sebarang tanggungjawab untuk tuntutan yang tidak dikreditkan dalam tempoh pemenuhan akibat butiran tidak betul atau tidak lengkap yang diberikan oleh Pelanggan Yang Layak. Ia adalah tanggungjawab Pelanggan Yang Layak untuk memastikan butiran yang betul disediakan supaya tuntutan dapat diproses. Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesesakan atau ketidakbolehcapaian internet.
21. Pelanggan Yang Layak mengakui dan menerima bahawa kegagalan untuk mematuhi penyediaan dokumentasi dan maklumat mengikut Terma dan Syarat Kempen ini akan menyebabkan Pelanggan Yang Layak kehilangan hak untuk menerima Ganjaran Kempen tanpa Bank menanggung sebarang liabiliti.

22. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat.
23. Jika Pelanggan Yang Layak menyertai beberapa kempen atau promosi pada masa yang sama, Pelanggan Yang Layak hanya berhak menerima Ganjaran Kempen di bawah salah satu kempen atau promosi yang disertai beliau. Bank berhak untuk memutuskan kempen atau promosi yang akan digunakan untuk Pelanggan Yang Layak yang berkenaan.
24. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau caj yang berkaitan dengan mana-mana Ganjaran Kempen. Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang cukai, kos sampingan, caj dan/atau ganti rugi yang disebabkan oleh apa-apa Ganjaran Kempen dan/atau tiada pemenuhan daripada mana-mana ejen/pembekal/pengedar.
25. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk apa-apa ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan Yang Layak akibat penggunaan Ganjaran Kempen tanpa kebenaran mana-mana orang yang tidak diluluskan oleh Pelanggan Yang Layak.
26. Terma dan Syarat ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana satu atau lebih daripada satu terma, syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir dan/atau mengawal selia operasi dan/atau penyelenggaraan Akaun Yang Layak atau sebaliknya.
27. Pelanggan Yang Layak selanjutnya bersetuju untuk bekerjasama dan mematuhi permintaan daripada Bank bagi tujuan menganjur, mempromosi dan menjalankan Kempen ini.
28. Bank berhak membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Yang Layak atau menarik balik Ganjaran Kempen dalam keadaan di mana terdapat transaksi penipuan, tanpa kebenaran atau pembalikan atau pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini mengikut polisi dalaman Bank. Semua rekod Bank untuk transaksi yang dilakukan adalah muktamad dan terakhir.
29. Semua keputusan yang dilakukan oleh Bank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Sebarang rayuan, surat-menyurat, atau pertikaian tidak akan dipertimbangkan.
30. Bank berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut polisi dalaman Bank, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan Yang Layak. Untuk versi terkini Terma dan Syarat, sila layari [www.alliancebank.com.my](http://www.alliancebank.com.my) dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma di sini dan versi yang dikemas kini, syarat yang terkini akan digunakan tetapi hanya setakat percanggahan tersebut.
31. Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Kempen tidak melayakkan Pelanggan Yang Layak melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atau untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan sedemikian disebabkan oleh tindakan Pelanggan Yang Layak sendiri.
32. Bank tidak bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif, atau ganti rugi khas atau prosiding yang dikemukakan oleh mana-mana pihak (termasuk pihak ketiga) yang timbul atau dialami oleh Pelanggan Yang Layak atau pihak lain kerana kesalahan Pelanggan Yang Layak sendiri, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini.

33. Semua Terma dan Syarat termasuk penambahan, pemadaman, perubahan dan/atau pindaan yang mungkin dilakukan berkenaan dengannya dari semasa ke semasa akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kecuali dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Pelanggan Yang Layak dengan ini bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah kompeten Malaysia.
34. Pelanggan Yang Layak dengan ini memberikan persetujuan yang jelas dan muktamad dan membenarkan Bank untuk memproses data Pelanggan Yang Layak bagi tujuan permohonan, untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk pengiklanan dan/atau promosi yang terhad kepada kempen ini sahaja, tanpa apa-apa pampasan kepada Pelanggan Yang Layak.
35. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Notis dan Penyata Prinsip Pilihan yang terdapat di laman web Bank <https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf> dan dengan ini memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Bank mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Bank untuk tujuan Kempen ini.
36. Bank telah memulakan dan mengekalkan polisi dan prosedur yang dibentuk untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah, pegawai atau kakitangannya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan sogokan yang digunakan oleh Bank. Bank tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berkaitan dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
37. Berdasarkan penyertaan dalam Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dengan ini mengakui bahawa beliau telah dimaklumkan tentang ringkasan polisi antirasuah dan sogokan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy> dan seterusnya berjanji tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa-apa sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.
38. CASA-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit,
39. CASA-i adalah berdasarkan konsep Syariah Tawarruq.
40. Bank mungkin menyediakan maklumat atau kandungan terkini dari semasa ke semasa bagi mendidik Pelanggan Yang Layak dan mewujudkan kesedaran yang membantu mencegah atau mengurangkan risiko penipuan dan 'scam'. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini perisian/sistem pengendalian/aplikasi/versi, dan keperluan pengawalseliaan daripada mana-mana badan pentadbir yang berkaitan.
41. Pelanggan Yang Layak perlu menyimpan semua instrumen perbankan dalam penjagaan selamat, contohnya, buku cek/kepingan cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC). Pelanggan Yang Layak perlu memaklumkan Bank dengan serta-merta apabila menyedari bahawa mana-mana perkara di atas telah hilang atau digunakan tanpa kebenaran atau kebenaran yang sewajarnya. Pelanggan Yang Layak tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian akibat daripada transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pelanggan Yang Layak memaklumkan Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pelanggan Yang Layak yang disebutkan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, dikompromi atau dilanggar.

42. Jika apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Pelanggan Yang Layak adalah disebabkan semata-mata oleh kecuaiian sengaja Bank, liabiliti tunggal dan keseluruhan Bank (sama ada berkenaan dengan satu atau lebih tuntutan) kepada Pelanggan Yang Layak dalam kontrak atau tort tidak boleh melebihi jumlah transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung tersebut yang dialami, yang mana lebih rendah. Walau apa-apa sekalipun, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian perniagaan, kehilangan keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, turutan, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pengeluaran, ganjaran, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira sama ada kemungkinan kerugian atau ganti rugi tersebut telah didedahkan kepada, atau boleh dijangka secara munasabah oleh Bank.
43. Apabila dimaklumkan oleh Pelanggan Yang Layak tentang kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pelanggan Yang Layak perlu memberi maklumat dan kerjasama yang sewajarnya bagi memudahkan penyiasatan. Bank dengan ini dibenarkan untuk mengambil langkah seperti berikut selepas pengesanan kejadian (dengan/tanpa kebenaran daripada pelanggan terlebih dahulu) untuk mencegah atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya ketika Bank menjalankan penyiasatan:
- i. Menggantung atau membeku akaun yang terlibat;
  - ii. Membatalkan atau menetapkan semula akses internet atau perbankan mudah alih Pelanggan; dan/atau
  - iii. Membatalkan kesahan instrumen perbankan dan Pelanggan Yang Layak akan dimaklumkan selepas perkara di atas telah dilaksanakan.